



P. RAMLEE

SENIMAN AGUNG NEGARA

Tan Sri Datuk Amar Dr. Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh atau lebih dikenali sebagai P. Ramlee merupakan seniman agung negara yang tiada gantinya. Pelakon, penyanyi, penulis lagu, pengarah filem, komposer, pemuzik dan pengarah muzik ini bukan sahaja terkenal di Malaysia, bahkan juga di Nusantara dan Asia.

Dilahirkan di Pulau Pinang pada 22 Mac 1929, anak kepada pasangan Teuku Nyak Puteh Teuku Karim dan Che Mah Hussein ini menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Jawa, Sekolah Francis Light dan Penang Free School.

Filem pertama lakonan P. Ramlee ialah *Chinta* pada tahun 1948. Dalam filem ini beliau membawa watar antagonis dan juga sebagai penyanyi latar. Rentetan itu, perjalanannya dalam dunia seni terus rancak berkembang. Antara tahun 1948 hingga 1972, P. Ramlee telah mengarah dan membintangi sebanyak 66 buah filem.

Filem terakhir lakonan beliau ialah *Laksamana Do Re Mi* (1972). Lagu dan lirik ciptaan terakhirnya ialah *ayer Mata di Kuala Lumpur* yang dicipta pada tahun 1973 sebelum beliau menghembuskan nafas terakhirnya. P. Ramlee meninggal dunia pada pagi Selasa, 29 Mei 1973 ketika berusia 44 tahun akibat sakit jantung. Jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Bagi mengenang jasa dan sumbangannya, P. Ramlee telah dianugerahkan Bintang Kebesaran Darjah Panglima Setia Mahkota oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1990 yang membawa gelaran Tan Sri.

Selain itu, rumah terakhir beliau di Jalan Dedap, Setapak telah diubah suai dan dijadikan sebagai Pustaka Peringatan P. Ramlee pada tahun 1986. Pada tahun 1982, namanya turut diabadikan pada sebatang jalan di bandar raya Kuala Lumpur, iaitu Jalan P. Ramlee (dahulunya Jalan Parry).

Sepanjang hayatnya, beliau telah menghasilkan lebih kurang 390 buah lagu (termasuklah sebagai penyanyi, komposer dan penulis lirik) dan 66 buah filem sebagai pelakon, pengarah dan penulis skrip.

P. Ramlee berjaya menyeimbangkan antara falsafah seni, nilai estetika dengan komersial dalam mengolah hasil karyanya dengan menonjolkan realiti permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia pada zaman itu.

Antara isu sosial yang sering diketengahkan oleh P. Ramlee dalam karyanya ialah keperitan mencari pekerjaan, hubungan antara keluarga, gejala samseng, perbezaan darjat dan masalah buta huruf dalam kalangan orang dewasa. Melalui filemnya, P. Ramlee sering mengingatkan khalayak agar sensitif dengan permasalahan sosial yang diketengangkannya.

Daripada sisi tersiratnya, P. Ramlee cuba menekankan betapa pentingnya ilmu pengetahuan, hubungan yang baik sesama manusia tanpa mengira darjat dan kepentingan mencari rezeki yang halal untuk memperbaiki taraf sosial.

Antara filem karya P. Ramlee yang masyhur termasuklah *Bujang Lapok*, *Ibu Mertuaku*, *Seniman Bujang Lapok*, *Antara Dua Darjat* dan *Anakku Szali*.

Kejayaan P. Ramlee dalam mengukir nama sebagai seniman unggul telah melayakkan beliau mengondol pelbagai pengiktirafan dari dalam dan luar negara. Filem yang diterbitkan sama ada karyanya sendiri ataupun lakonannya berjaya menambat hati penonton yang terdiri daripada berbilang bangsa dan budaya.

- Anugerah Pencipta Lagu Terbaik, Festival Filem Asia ke-3 Hong Kong, filem *Hang Tuah* (1956).
- Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik, Festival Filem Asia ke-4 Tokyo, filem *Anakku Szali* (1956).
- Anugerah Fotografi Hitam Putih Terbaik, Festival Filem Asia ke-5 Manila, filem *Sumpah Orang Minyak* (1958).
- Anugerah Filem Komedi Terbaik, Festival Filem Asia ke-6 Kuala Lumpur, filem *Pendekar Bujang Lapok* (1959).
- Anugerah Khas The Most Versatile Talent, Festival Filem Asia ke-10 Tokyo, filem *Ibu Mertuaku* (1963).
- Anugerah Filem Komedi Terbaik, Festival Filem Asia ke-11 Taipei, filem *Madu Tiga* (1964).

Walaupun perjalanan seninya berliku, namun seniman kreatif ini berjaya menghasilkan pelbagai karya agung yang popular dan tidak lapuk ditelan arus zaman. Hakikatnya P. Ramlee telah berusaha menghasilkan karya yang bukan sahaja tiada galang gantinya, bahkan sarat dengan mesej, nilai murni, pengajaran dan teladan untuk panduan masyarakat. 